



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغَرِي سَابَاه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

17 MUHARAM 1448H/ 03 JULAI 2026

TANGGUNGJAWAB AMAR MAKRUH NAHI MUNGKAR

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintahnya dan menjauhi segala larangannya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT adalah orang yang paling bertakwa. Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja atau bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh mengurangkan pahala solat Jumaat. Dengarlah khutbah dengan penuh perhatian kerana merupakan sebahagian daripada kesempurnaan solat Jumaat. Pada hari ini, mimbar akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Tanggungjawab Amar Makruf Nahi Mungkar.”**

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, izinkan saya untuk mengingatkan diri saya sendiri dan juga para jamaah sekalian tentang

satu tanggungjawab yang amat besar dalam agama kita. Kewajipan yang menjadi benteng keselamatan serta perlindungan diri dan juga kepada masyarakat kita hari ini. Kewajipan tersebut ialah amar makruf nahi mungkar, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Segala masalah dan kerosakan yang berlaku pada hari ini merupakan bukti jelas bahawa kita sudah semakin mengabaikan tanggungjawab untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Tanggungjawab yang mulia ini, semakin terhakis daripada penghayatan hidup kita, sama ada dalam institusi keluarga, dalam kalangan rakan-rakan kita mahupun masyarakat secara keseluruhannya. Apabila suara mereka yang menyeru kepada kebaikan semakin perlahan dan jarang kedengaran, pada ketika itulah golongan yang melakukan maksiat, menyebarkan keburukan serta kesesatan akan tampil bersuara dengan lebih lantang.

Ingatlah, ini *sunnatullah* yang tidak dapat kita nafikan. Setiap kali mereka memperjuangkan kebenaran berundur selangkah ke belakang, mereka yang membawa kebatilan akan mara selangkah ke hadapan. Apabila golongan yang membawa kepada kebaikan memilih untuk berdiam diri, maka bersedialah untuk menyaksikan golongan yang membawa kemungkaran semakin berani menguasai dan merosakkan masyarakat kita.

Allah SWT telah memberikan peringatan yang sangat jelas dalam al-Quran melalui firman Allah SWT yang telah disampaikan pada awal khutbah sebentar tadi pada surah ali-Imran, ayat 104 yang **bermaksud**: *“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada Kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”*

Ayat ini menjelaskan bahawa kejayaan, kemajuan, dan kemenangan segolongan umat bergantung pada sejauh mana mereka menghayati dan menghidupkan budaya saling menasihati ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Jika umat ini mengabaikan kewajipan tersebut sehingga tiada yang sanggup menegur, maka keberkatan akan diangkat daripada mereka.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Tidaklah Allah SWT mengutus para nabi dan para rasul ke muka bumi ini, melainkan tugas utama mereka adalah untuk menegakkan amar makruf nahi mungkar di tengah-tengah masyarakat.

Apa yang lebih menyedihkan ialah apabila sebahagian daripada masyarakat pada hari ini mula berasa rimas terhadap mereka yang menegur kemungkaran dan menyeru kepada kebaikan. Malah, ada yang berharap, agar suara mereka dibungkam dan usaha mereka dihentikan. Sedangkan merekalah yang berusaha membimbing manusia ke jalan yang direcai Allah SWT. Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ،
وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: " Sesiapa dari kalangan kalian yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Sekiranya dia tidak mampu hendaklah dia mengubah dengan lidahnya dan sekiranya dia tidak mampu hendaklah dia mengubahnya dengan jantung hatinya. Demikian itu (mengubah dengan hati) adalah selemah-lemah iman." (HR Muslim)

Melalui hadis ini kita dapat fahami bahawa ada tiga cara dalam kita menghadapi kemaksiatan dan kemungkaran iaitu:

Pertama: Mengubah dengan Tangan

Tangan di sini bukanlah bermaksud kita menggunakan tangan kita untuk keganasan, memukul, atau mengambil tindakan sendiri secara melulu. Sebaliknya, ia merujuk kepada kuasa dan tindakan bagi para pemimpin, untuk memastikan keburukan dan maksiat tidak bermaharajalela dalam masyarakat.

Kedua: Mengubah dengan Lidah

Jika kita melihat suatu kemungkaran, maka tegurlah dengan penuh adab, hikmah, dan ilmu. Janganlah kita mencegah satu kemungkaran, tetapi mendatangkan kemungkaran lain yang lebih besar. Cegahlah kemungkaran dengan teguran yang elok serta penuh hikmah agar teguran dan nasihat itu dapat diterima dengan baik.

Ketiga: Mengubah dengan Hati

Sekiranya lidah kita juga terkunci atas kekurangan yang tidak dapat dielakkan, maka cukuplah membenci sesuatu kemungkaran dan maksiat itu di dalam hati dan tidak meredai kemungkaran tersebut berlaku. Dan inilah sesungguhnya selemah-lemah iman.

SIDANG JAMAAH SEKALIAN,

Marilah kita mengambil ibrah daripada kisah kaum Bani Israel yang telah dilaknat oleh Allah SWT seperti firman-Nya melalui surah al-Maidah ayat 79 yang **bermaksud**: *"Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan."*

Oleh yang demikian, khatib ingin mengajak jamaah Jumaat hari ini untuk kembali bermuhasabah diri. Sedarlah bahawa kita bukanlah umat yang hidup sekadar berseronok, membuang masa serta tidak mempedulikan keadaan sekeliling kita. Mulakanlah amar makruf nahi mungkar ini, dari dalam rumah kita sendiri terlebih dahulu. Tegurlah anak-anak dan ahli keluarga kita dengan penuh kasih sayang dan kelembutan. Jangan kita bersikap acuh tak acuh dengan alasan tidak mahu menjaga tepi kain orang. Jangan juga kita berasa takut atau malu untuk menyebarkan kebaikan. Berilah teguran dan ajaklah kepada kebaikan dengan penuh lemah lembut, hikmah, kesabaran yang tinggi, serta tawakal sepenuhnya kepada Allah SWT. Sepertimana firman-Nya menerusi surah an-Nahl, ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّ لَهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: *"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhan-Mu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk."*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat

yang terkeji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid-masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah jadikan jamaah solat subuh kami sama seperti jamaah Jumaat pada hari ini. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah, ampunkanlah dosa kami dan dosa kedua ibu bapa kami. Peliharalah institusi kekeluargaan kami agar dipenuhi dengan sakinah, mawaddah, dan warahmah. Jadikanlah rumah tangga kami madrasah iman dan takwa bagi anak-anak kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظِمُ لَكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com